

**TERMA RUJUKAN
BADAN PENGAMAL PERUBATAN TRADISIONAL/ KOMPLEMENTARI (PT&K)
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA**

PENGENALAN

Badan Pengamal adalah merujuk kepada persatuan, pertubuhan atau organisasi yang berdaftar dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (*Register of Society*). Pada masa ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah melantik lapan (8) Badan Pengamal untuk mewakili amalan-amalan Perubatan Tradisional Melayu, Cina, India, Homeopati, perubatan komplementari dan pengubatan Islam.

Tujuan utama Badan Pengamal dilantik adalah untuk membantu KKM bagi menyelia dan melaksanakan pelbagai aktiviti Perubatan Tradisional dan Komplementari (PT&K) bagi meningkatkan tahap profesional dan etika serta menepati keperluan piawaian yang setanding. Di samping itu, wakil Badan Pengamal juga dipilih untuk menganggotai Jawatankuasa Tetap PT&K, KKM..

TERMA RUJUKAN

Terma rujukan ini merangkumi seksyen-seksyen berikut:

1. Pengamal dan Perkhidmatan
2. Produk PT&K
3. Kelayakan dan Latihan
4. Premis Amalan
5. Lain-lain

Seksyen 1

Pengamal dan Perkhidmatan

1. Untuk memastikan semua pengamal PT&K berdaftar dengan badan pengamal masing-masing.
 - 1.1 Mendaftarkan pengamal mengikut kategori yang dipersetujui oleh KKM
 - 1.2 Mengendalikan rekod-rekod pendaftaran dan memastikan rekod adalah yang terkini.

- 1.3 Memaklumkan bilangan pengamal berdaftar ke KKM.
2. Untuk membantu KKM dalam pendaftaran pengamal-pengamal PT&K asing.
 - 2.1 Membantu KKM dalam penyediaan dan kemas kini peraturan-peraturan dan syarat-syarat pendaftaran dan perkhidmatan.
 - 2.2 Membantu mengesahkan kesahihan sijil kelayakan, pengalaman serta latar belakang sosial pemohon menurut amalan PT&K masing-masing.
 - 2.3 Menyediakan laporan teknikal untuk permohonan pengamal PT&K asing.
3. Untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia menyelaras pelbagai aktiviti persatuan / pertubuhan berkaitan PT&K.
4. Untuk membantu Kementerian Kesihatan Malaysia bagi memastikan pengamal-pengamal PT&K beroperasi mengikut undang-undang, peraturan dan garis panduan yang berkaitan
 - 4.1 Undang-undang yang berkaitan dengan amalan
 - 4.1.1 Akta Perubatan 1971
 - 4.1.2 Akta Pergigian 1971
 - 4.1.3 Kod Etika dan Amalan
 - 4.1.4 Garis panduan Pengamal PT&K Asing
 - 4.2 Undang-undang berkaitan dengan produk PT&K
 - 4.2.1 Akta Dadah dan Jualan 1952 (semakan 1989)
 - 4.2.2 Akta Racun 1952 (semakan 1989)
 - 4.2.3 Peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984
 - 4.3 Undang-undang berkaitan dengan iklan
 - 4.3.1 Akta Ubat (Iklan & Jualan) 1956 (semakan 1983)
 - 4.4 Undang-undang berkaitan dengan premis amalan
 - 4.4.1 *Private Health Care Facilities and Services Act 1998*
5. Untuk memastikan bahawa Badan Pengamal sentiasa mengawal dan menyelia pengamal-pengamal di bawah naungannya, mengetahui, memahami dan mengikuti garis panduan dan peraturan yang telah ditetapkan. Ini akan merangkumi:

- i. Memastikan pelbagai maklumat yang berkaitan daripada Kementerian Kesihatan Malaysia disebarikan kepada semua pengamal di bawah pengawasannya.
- ii. Memastikan semua pengamal mengetahui, memahami dan melaksanakan garis panduan dan peraturan-peraturan yang sedia ada. Pengamal perlulah memahami visi dan misi Kementerian Kesihatan Malaysia berkenaan dengan Perubatan Tradisional/ Komplementari terutamanya yang ternyata dalam Polisi semasa Kebangsaan Perubatan Tradisional/ Komplementari.

Seksyen 2

Produk Perubatan Tradisional

1. Memastikan produk yang digunakan dalam rawatan (sama ada untuk kegunaan tempatan ataupun untuk pasaran luar negeri) mematuhi pelbagai peraturan dan perundangan yang berkenaan.
 - i. Produk yang digunakan perlu berdaftar dengan Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (*Drug Control Authority*) seperti yang di peruntukan di bawah Peraturan-peraturan Kawalan Dadah dan Kosmetik 1984. Prosedur dan keperluan pendaftaran berpandukan Garis panduan Pendaftaran Ubat Tradisional.
 - ii. Produk di kilang di premis yang berlesen dan mematuhi Amalan Perkilangan Baik.
 - iii. Produk tidak mengandungi bahan-bahan yang disenaraikan sebagai racun di bawah Akta Racun 1952 (sila rujuk www.bpfk.gov.my).
 - iv. Memastikan promosi dan pengiklanan ubat-ubat selaras dengan keperluan yang dinyatakan di bawah Akta Ubat (Iklan & Jualan) 1956.
 - v. Memastikan sebarang kesan advers atau aduan mengenai kualiti produk dilaporkan kepada Pihak Berkuasa Kawalan Dadah (sila rujuk www.bpfk.gov.my).
2. Mengambil bahagian dalam menjalankan serta mempromosikan penyelidikan dalam bidang berkaitan bagi meningkatkan lagi kualiti produk terutamanya dalam menyediakan pelbagai maklumat saintifik khususnya dari segi keberkesanan dan keselamatan produk terpiawai.

3. Memastikan penyelidikan yang dijalankan mematuhi pelbagai garis panduan berkenaan termasuklah yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kebangsaan Penyelidikan dan Pembangunan Perubatan Herba (JKPPH).

Seksyen 3

Kelayakan dan Latihan

1. Memastikan semua pengamal Perubatan Tradisional/ Komplementari mencapai kelayakan minima (jika ada) dan menentukan satu mekanisme bagi mencapai kelayakan dalam satu jangka masa yang ditetapkan melalui pendidikan dan latihan formal yang diakreditasi oleh pihak berkuasa.
2. Membantu membangunkan latihan yang diperlukan dan mencadangkan pusat latihan yang telah mendapat akreditasi kepada Kementerian Kesihatan Malaysia.
3. Memastikan pengamal Perubatan Tradisional/ Komplementari menjalani pendidikan profesional yang berterusan (*Continuous Professional Development*) supaya mereka mendapat maklumat mutakhir dalam bidang amalan masing-masing.

Seksyen 4

Premis Amalan

1. Memastikan semua premis bagi pengamalan Perubatan Tradisional & Komplementari mematuhi standard atau garis panduan yang ditetapkan oleh pihak berkuasa bagi setiap amalan atau rawatan yang ditawarkan. Ini termasuklah keperluan dari segi infrastruktur dan kemudahan yang berpatutan, pengamal yang berkeelayakan serta berdaftar dengan Kementerian Kesihatan Malaysia.
2. Memastikan premis tersebut berdaftar dan memenuhi keperluan perundangan bagi tujuan berkenaan. Ini termasuklah pematuhan kepada akta berkenaan seperti Akta *Private Health Care Facilities and Services Act 1998* dan pengiklanannya juga mematuhi Akta Ubat (Iklan & Jualan) 1956.

Seksyen 5

Lain-lain

1. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia untuk menubuhkan satu pangkalan data bagi pengamal, pengguna, pengeluar ubat-ubatan serta badan-badan lain yang berkaitan dengan Perubatan Tradisional/ Komplementari.
2. Membantu meningkatkan kerjasama teknikal dan perkongsian kepakaran di antara agensi kerajaan dan sektor swasta (tempatan dan antarabangsa) dalam bidang PT&K yang termasuk penyelidikan.
3. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia menyiasat sebarang aduan yang menyalahi amalan, premis, iklan dan juga produk yang digunakan bila mana diperlukan.
4. Membantu Kementerian Kesihatan Malaysia dalam mempromosikan Perubatan Tradisional/ Komplementari dalam pelancongan kesihatan (*Health Tourism*).